



BULETIN

PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN OPERASI KEBOMBAAN JBPM 2007

AKADEMI BOMBA
DAN PENYELAMAT
MALAYSIA

Bil. 1 (24 Jul 2007)



Selamat Datang dan Selamat Berjuang



Sememangnya jarang berlaku anugerah hak penganjuran diberikan dua kali berturut-turut dan Akademi cukup bertuah kerana terpilih buat kali kedua untuk memikul tanggungjawab sebagai penganjur. Dalam suasana kesibukan dan ruang waktu yang padat ini Akademi masih lagi terus mampu mengukirkan senyuman buat tetamu yang hadir untuk pertandingan kali ini. Dengan lokasi pertandingan yang cukup kondusif, peralatan pertandingan yang baik, di samping petugas-petugas yang cukup komited, serta sokongan pihak pengurusan yang tak berbelah bahagi maka Akademi sekali lagi telah diamanahkan sebagai penganjur bagi PKK 2007. Keharmonian Akademi kembali dimeriahkan lagi dengan kedatangan hampir 600 peserta dan 156 petugas PKK 2007. Walaupun terdapat kekangan dari segi tempat dan ruang, Akademi masih mampu untuk menyediakan tempat bagi 1500 orang sepanjang tempoh pertandingan dilangsungkan. Pada masa yang sama penempatan dan pembelajaran pelatih-pelatih baru yang sedang berkursus telah diatur dan disusun semula bagi memberi laluan kepada kelancaran PKK 2007 kali ini. Jika diambil kira faktor tempat dan kemudahan, kita akur bahawa Akademi tidak dapat bersaing dalam memberi kemudahan seperti yang terdapat di hotel-hotel

atau *resort-resort*, di mana keselesaan dan kepuasan penginapan merupakan agenda utama mereka, tetapi ironiknya kemudahan dan kelengkapan yang ada di Akademi ini wajar dibanggakan oleh semua kakitangan. Ini kerana Akademi Bomba dan Penyelamat adalah milik kita yang mempunyai infrastruktur dan kemudahan setaraf dengan institusi pendidikan tinggi yang lain. Jika disini, kita terpaksa berkongsi bilik penginapan maka kita harus masih boleh berterima kasih dan bersyukur dengan apa yang kita ada. Sekiranya ketidakselesaan itu diertikan sebagai sedikit pengorbanan yang perlu kita lakukan maka rasanya kita sebagai anggota bomba sememangnya sentiasa bersedia untuk berkorban dalam keadaan apa sekalipun.

Selamat datang dan selamat berjuang kami ucapkan kepada semua para kontingen negeri dan para petugas Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan 2007 ke Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai. Diharapkan dengan kehadiran dan penyertaan tuan-tuan akan memeriahkan lagi dan menjadikan pertandingan kali ini antara yang terbaik pernah diadakan seterusnya mencipta dan melakarkan sejarah dalam **Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan**.



Sidang Redaksi

Penaung
PPJB Nordin Bin Pauzi

Penasihat
PgKB Norazam Bin Khamis

Ketua Editor
PgB Jupirik Bin Apou

Editor
PPgB Mohd Sabri Bin Ismail
PBIII Thoyyibah Binti Taib
PB Mohd Azam bin Mohd Noor

Reka Bentuk Grafik
PB III Thoyyibah Taib
PB Mohd Azam Bin Mohd Noor

Fotografi
PB Raja Arisan Sahseni
PB Rassyidee Bin Che Bebakar,
PB Hairul Nizam Bin Mohd Noh
PB Norashid bin Mamat
PB Zulkarnain bin Abd. Karim

Pembantu Sidang Redaksi :
Pelatih Siri 1&2/2007

Coretan

Ketua Editor

Syabas dan tahniah kepada semua anggota kontinjen, Kemeriahan PKK 2007 kembali bergema di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu. Tanggal 23 hingga 29 Julai 2007 merupakan tarikh istimewa kerana ianya merupakan tarikh pertemuan pasukan-pasukan terbaik dari seluruh negara di dalam PKK 2007. Kejayaan dalam erti kata sebenarnya, telah pun dikehendaki oleh semua peserta seramai 600 dan 156 orang petugas pertandingan kerana persediaan, aktiviti kecergasan anggota dan program latihan yang mantap telah pun dilaksanakan di peringkat balai, zon dan negeri untuk memilih anggota pasukan kontinjen yang terbaik untuk meneruskan perjuangan bagi merebut gelaran Juara Keseluruhan Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Tahun 2007. Proses pemilihan bagi peserta setiap kontinjen negeri telah menyumbang ke arah matlamat utama jabatan untuk melahirkan pegawai bomba yang berkualiti, profesional dan komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan selaras dengan Visi dan Misi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sudah pasti, suasana pertandingan kali ini lebih hebat, bertenaga, sangat mencabar dan menagih komitmen yang tinggi, jitu dan padu di kalangan peserta. Kejayaan pertandingan ini melambangkan komitmen tinggi, sikap positif anggota, perkembangan minda yang cergas dan pemantapan semangat kerja berpasukan (*team work*) yang teguh dan harmoni. Ini menunjukkan bahawa PKK 2007 merupakan salah satu program jabatan yang menjadi kebanggaan jabatan kerana impak dan kesan positif terhadap peningkatan kualiti dan profesionalisme dan seterusnya memantapkan sistem penyampaian (*delivery system*) perkhidmatan jabatan kepada masyarakat umum di seluruh negara.

Pihak Redaksi akan berusaha untuk membuat liputan terbaik yang menyeluruh sepanjang pertandingan ini dijalankan. Oleh itu, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak amatlah diperlukan untuk memastikan kejayaan dalam penganjuran PKK 2007.

Salam hormat dan selamat berjuang untuk kecemerlangan jabatan...

Imbasan Keputusan Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan tahun 2006

NEGERI	KAWAT KAKI	FFC	TANOGA	TABLE TOP	RJA	MENYELAMAT DI AIR	HANTARAN JAUH
PERLIS	13	14	13	11	15	DQ	11
KEDAH	15	6	12	7	9	14	2
P.PINANG	1	8	5	14/15	6	12	10
PERAK	5	5	DQ	12	1	13	5
WPKL	3	9	1	5	3	6	1
SELANGOR	6	4	7	9	14	11	12
N. SEMBILAN	14	11	9	14/15	8	8	13
MELAKA	8	15	4	1	13	9	15
JOHOR	11	10	2	4	7	7	4
PAHANG	9	7	6	8	3	4	6
TERENGGANU	10	13	11	5	11	5	7
KELANTAN	2	1	DQ	6	4	10	3
SABAH	4	12	8	2	10	1	8
SARAWAK	7	2	10	13	12	2	14
WP LABUAN	12	3	3	10	2	3	9

FAKTA

JBPM
Negeri P.Pinang
menjuarai acara
Kawad Kaki pada
tahun 2005-
2006.

JBPM
Negeri Kelantan
mempertahankan
kejuaraan FFC
sejak mula
diperkenalkan
iaitu 2005-2006

JBPM WPKL
dinobatkan
JOHAN PKK 2006
setelah
merangkul dua

JBPM WPKL JOHAN

PKK 2006

PKK 2007 JBPN



Persiapan Pertandingan

Pengalaman menjadi tuan rumah Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan pada tahun 2006 menjadikan akademi lebih bersedia untuk menjadi tuan rumah pada tahun ini. Persiapan yang awal dilakukan untuk melicinkan segala perjalanan pertandingan nanti. Setiap jawatankuasa yang diamanahkan bertanggungjawab menyediakan lokasi pertandingan yang terbaik. Seperti tahun yang sebelumnya, Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai (ABPMWT) merupakan medan pertarungan bagi setiap acara yang dipertandingkan. Sebanyak 6 acara akan berlangsung di Akademi ini dan 1 acara akan berlangsung di Tasik Puteri Dungun, Terengganu iaitu Kawad Operasi Menyelamat di Air.



FFC 2007.... Lebih mencabar



Antara laluan FFC 2007



Pelatih turut meyumbangkan tenaga



Antara halangan Kawad Hantaran jauh



Memastikan peralatan sentiasa dalam keadaan baik

WAKTU SOLAT DAERAH MARANG, TERENGGANU 24 Julai 2007 (Selasa)

"Dan dirikanlah olehmu solat, kerana sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar" (Al Ankabut : 45)

Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Magrib	Isyak'
5:39	7:02	13:15	16:39	19:26	20:41



Jawatankuasa Jamuan dan Penginapan



Bilik Tidur



Dewan Makan

TARIKH	PENGINAPAN		MAKAN MINUM	
	Peserta	Tempat	Peserta	Tempat
18.07.2007	Petugas Jet flood 4	Asrama 1	Petugas Jet flood 4	Dewan Makan
22.07.2007	Pengadil luar 27	Asrama 1	Pengadil luar 27	Bilik Makan VIP
	JK Teknikal 11	Asrama 1	JK Teknikal 11	Dewan Makan
	Pemandu Storm 4	Asrama 1	Pemandu Storm 4	Dewan Makan
	EMS 6	Asrama 1	EMS 6	Dewan Makan
	Pemandu Trooper 6	Asrama 1	Pemandu Trooper 6	Dewan Makan
23.07.2007	JK Induk 8	Asrama 1	JK Induk 8	Bilik Makan VIP
	JK Wasit 7	Asrama 1	JK Wasit 7	Bilik Makan VIP
	Kontijen negeri 600	Asrama 2 hingga 4	Kontijen negeri 600	Dewan Makan
	Komunikasi 1	Asrama 4	Komunikasi 1	Dewan Makan
28.07.2007 (27 orang)	YAS KP	Orkld	YAS KP	Bilik Makan VIP
	YAS TKP(O)	Anggerik	YAS TKP(O)	Bilik Makan VIP
	YAS TKP (P)	Seroja	YAS TKP (P)	Bilik Makan VIP
	PKP2	VIP	PKP2	Bilik Makan VIP
	PBN	VIP	PBN	Bilik Makan VIP
	PRO	VIP	PRO	Bilik Makan VIP
29.07.2007	Semua Peserta	Check-out	Semua Peserta	Akhiri dengan sarapan pagi

Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2007 yang berlangsung dari 22 hingga 29 Julai 2007 merupakan kali yang kedua diadakan di ABPMWT. Pertandingan pada kali ini juga menyaksikan para pegawai dari segenap peringkat bersama-sama meluangkan masa bagi mengembangtenaga demimastikkan kejohanan ini mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan. Selaku tuan rumah pada pertandingan ini, tidak terkecuali semua pegawai dari Pusat Pengajian Undang-Undang di mana Ketua Pusat Pengajian iaitu PgKB Hassan 'As'ari bin Omar telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Jamuan dan Penginapan.

Ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik telah bertungkus-lumus sejak awal lagi bagi memastikan persediaan jamuan makan, minum dan penginapan peserta berada pada tahap terbaik sepanjang kejohanan ini berlangsung. Pemilihan tempat makan juga amat dititikberatkan bagi membolehkan menampung peserta yang ramai pada satu-satu masa serta tidak menjelaskan kelancaran kejohanan. Semua peserta dan petugas seramai 835 orang dijangka akan berkampung di ABPMWT sepanjang tempoh itu.

Bilik makan berhawa dingin telah dipilih di Asrama 1 sebagai bilik makan untuk Jawatankuasa Induk, Wasit, Pengadil luar dan Urusetia/Pegawai Kanan FRAM. Bagi petugas-petugas lain yang terdiri dari staf FRAM Wakaf Tapai, tempat jamuan makan minum akan disediakan di Foyer.

Makanan bagi peserta kontinen dari negeri-negeri dan petugas-petugas khas disediakan di Dewan Makan ABPMWT. Penyediaan makanan disediakan 5 (lima) kali sehari iaitu sarapan, minum pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam disediakan secara *buffet* di Dewan Makan. Penyediaan minum pagi jam 10.30 pagi dan minum petang jam 3.30 petang pula perlu diambil oleh wakil kontinen di khemah khas yang disediakan di Padang Kawad.

Penginapan untuk para AJK induk, urusetia, wasit, pengadil, peserta dan petugas telah disediakan antaranya di asrama dan kuarters manakala di Tasik Puteri bagi petugas Pertandingan Kawad Menyelamat Di Air. Harapan dari pengurus dan AJK Jamuan dan Penginapan semoga para peserta berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan dan selamat berjuang.

*Adab dan sopan itu lebih penting daripada makan dan minum.
(Aristotle).*

Jawatankuasa Keselamatan, Perubatan dan Pengangkutan

Perlaksanaan peraturan pergerakan kenderaan yang datang ke FRAM Wakaf Tapai adalah bertujuan mengawal kenderaan dari segi keselamatan dan penggunaan kenderaan secara bebas. Berikut perkara-perkara yang perlu dipatuhi :-

1. Semua peserta tidak dibenarkan membawa kenderaan persendirian sepanjang Pertandingan Kawad Kecekapan dijalankan pada 23 Julai 2007 hingga 29 Julai 2007.
2. Selepas pemandu menurunkan peserta di tempat penginapan, semua kenderaan kontinen negeri perlu diletakkan di tempat letak kenderaan yang telah ditetapkan seperti berikut :-
 - Kenderaan *utility* cth : kembara, pajero, storm di petak letak kereta Asrama
 - Bas Hino dan Coaster di hadapan tempat simulasi OIFF
 - Lori Hicom di Dataran Auditorium berhampiran Surau FRAM
3. Semua kunci kenderaan perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Keselamatan Dan Pengangkutan untuk disimpan dan dibuat pemantauan. Kunci akan diserahkan semula kepada pemandu kenderaan pada 29 Julai 2007 (Borang PKK07/PPKJ/01).
4. Peserta-peserta dari Negeri Sabah dan W.P Labuan yang memerlukan kenderaan bagi urusan kontinen di luar FRAM Wakaf Tapai perlu merujuk kepada Jawatankuasa Keselamatan Dan Pengangkutan untuk mendapatkan kelulusan daripada YS Komandan terlebih dahulu.
5. Setiap pergerakan kenderaan ke Kuala Terengganu atau di luar kawasan FRAM selepas acara harian berakhir perlu mengikuti jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Keselamatan Dan Pengangkutan untuk mengelakkan dari sebarang pertindihan penggunaan pengangkutan.



Kemas dan teratur..Deretan kenderaan yang telah diserahkan kepada pihak Urusetia Pengangkutan,telah dikuarantikan

PERGERAKAN KENDERAAN KONTINJEN NEGERI

TARIKH	HARI	MASA BERLEPAS	MASA LAPOR DIRI	KONTINJEN TERBABIT
24.07.07	Selasa	2000	0000	Kelantan, Selangor, Johor dan Pulau Pinang
25.07.07	Rabu	2000	0000	Pahang, Kedah, N. Sembilan, Sarawak dan W.P KL
27.07.07	Jumaat	2000	0000	Terengganu, Perak, W.P Labuan, Melaka dan Perlis

Ke Arah Bantahan Sifar

Taklimat Pengadil PKK 2007

Wakaf Tapai, 22 Jul 2007 - Aspek pengadilan adalah salah satu elemen yang terpenting dalam sesuatu pertandingan tidak kira dalam apa juar pertandingan sekalipun samada ianya besar atau kecil, hatta dalam pertandingan yang tak rasmi pun keadilan dituntut dan dipertahankan. Pengadilan yang adil dan bijaksana akan mencerminkan kewibawaan serta integriti para pengadil. Seperti tahun-tahun sebelumnya para pengadil Pertandingan Kawad Kecekapan dilantik dari kalangan mereka yang bertugas atau kakitangan Ibu Pejabat JBPM serta dipilih dengan mengambil kira pelbagai aspek dan kriteria yang sesuai sebagai pengadil. Sebagai memperlihatkan fungsi pengadilan ini cukup penting kepada perjalanan pertandingan ini, YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan dan Perancangan Tenaga Manusia PPjB Khrudin Bin Drahman, semasa sesi taklimatnya dan mesyuarat bersama semua pengadil telah menekankan akan kepentingan integriti, keikhlasan, dan komitmen yang jitu semasa menjalankan tugas sebagai pengadil. Beliau berharap agar tahap pengadilan bagi pertandingan tahun ini akan terus bertambah baik dan dapat mencapai tahap 'Bantahan Sifar'. YS Komandan ABPMWT selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengelola turut memberikan amanat kepada para pengadil.

"Kepentingan integriti, keikhlasan, dan komitmen yang jitu amat penting semasa menjalankan tugas sebagai pengadil" – PPjB Khrudin Bin Drahman

Pada akhir sesi, PgKB Nazili bin Mahmood yang dipertanggungjawab sebagai Ketua Pengadil telah memberi saranan dan peringatan kepada semua pengadil supaya membuat pengadilan yang sebaik mungkin dan sentiasa memahirkan diri dengan peraturan dan garis panduan pertandingan supaya kelancaran serta kesempurnaan pengadilan tidak terjejas dan seterusnya dapat memuaskan hati semua pihak.

Lawatan Pengerusi Pengadil Ke Lokasi Pertandingan


Wakaf Tapai, 23 Jul 2007 – Keperihatinan Pengerusi Pengadil jelas terbukti apabila beliau melakukan tinjauan singkat ke setiap lokasi pertandingan bagi memastikan dan menentukan segala persiapan dan persediaan akhir pertandingan berjalan dengan lancar. Di samping itu beliau turut memastikan kelengkapan peralatan pertandingan serta kemudahan yang lengkap disediakan di lokasi pertandingan.



Lawatan ke lokasi pertandingan RTA



Lawatan ke lokasi pertandingan Kawad Kaki



Lawatan ke lokasi pertandingan menyelamat menurunkan mangsa



Lawatan ke lokasi pertandingan Kawad Hantaran Jauh Berhalangan

Taklimat PKK 2007



PPjB Khirudin bin Drahman



Taklimat...para peserta sedang mendengar taklimat



PPjB Nordin bin Pauzi

Sebagai mukadimah kepada Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan 2007 satu taklimat kepada semua peserta kontinjen negeri telah diadakan sebagai petanda akan bermulanya PKK 2007. Taklimat yang diadakan di Auditorium ABPMWT telah dihadiri oleh semua kontinjen negeri. Sesi taklimat ini telah dikendalikan oleh YS PKP Latihan dan PTM, PPjB Khirudin Bin Drahman antara lain menekankan tentang elemen penambahbaikan yang dibuat terhadap beberapa acara yang dipertandingkan. Disamping itu, beliau turut menyentuh tentang laporan PPL Negeri berkaitan dengan perlaksanaan Kawad Kecekapan Peringkat Negeri yang rata-ratanya menunjukkan usaha dan kesungguhan yang memberangsangkan. Beliau juga turut mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang berjaya mewakili negeri dan mampu mengibarkan bendera negeri masing-masing. Beliau juga turut menyentuh beberapa aspek penting yang boleh membawa kejayaan pada pasukan berdasarkan kajian serta pemantauan yang dibuat terhadap pertandingan-pertandingan yang lepas. Antara aspek-aspek tersebut adalah:

- Komited kepada perkembangan PKK.
- Pemilihan anggota berdasarkan proses yang betul dan merit.
- Menggunakan peruntukan yang diberi secara efektif.
- Kerjasama dari semua pihak.
- Sentiasa mendapatkan maklumbalas dari urusetia.
- Melakukan *post-mortem* diperingkat negeri terhadap pertandingan yang dijalankan.
- Latihan awal dilakukan secara *Centralized*.

Di akhir taklimat, beliau menggesa para peserta supaya meningkatkan disiplin serta mematuhi tatatertib semasa pertandingan bagi menjamin pelaksanaan pertandingan berjalan dengan lancar. Pengurusan masa yang betul dan cekap oleh para kontinjen turut mempengaruhi kelancaran dan keberkesanannya pelaksanaan pertandingan.

Dalam sesi taklimat ini juga para kontinjen telah berkesempatan mendengar amanat dari YS Komandan selaku Pengurus Jawatankuasa Pengelola PKK 2007. Antara lain beliau menyentuh tentang keseluruhan pertandingan serta beberapa program utama sepanjang pertandingan dijalankan. Disamping itu juga, beliau menekankan tentang disiplin dan pematuhan terhadap peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di Akademi.


Pendaftaran, Penyerahan dan Pemeriksaan Peralatan Berjalan Lancar



Bagi memudahkan proses pendaftaran pihak urusetia telah mendirikan empat buah khemah serta menempatkan petugas-petugas yang mengendalikan proses pendaftaran di kaunter iaitu kaunter pendaftaran nama kontinjen, kaunter pendaftaran penginapan, kaunter pendaftaran penyerahan peralatan dan kaunter penyerahan *goodies*. Memandangkan ada di antara kontinjen-kontinjen yang tiba lebih awal dari jadual maka pihak urusetia telah membuka kaunter-kaunter tersebut seawal jam 9.00 pagi. Suasana ceria dan bersemangat yang ditunjukkan oleh kontinjen-kontinjen negeri semasa proses pendaftaran mencerminkan sesuatu yang positif serta mengambarkan bahawa masing-masing telah cukup bersedia untuk bertanding.



Semua peralatan yang akan di gunakan diukur mengikut standard yang ditetapkan



Tengok lutut la brother!
Hari-hari duk test kat balai.

Abe busy ni yang.. Nok pegi baiki
Jentera. Besok je la kita pegi Mydin tu..



Cepat! Cepat kemas semua.. Dah masuk
Waktu Asar ni. Keje, keje juga.
Ibadat jangan lupa.

